

Tinggalkan pejabat PM 2 petang

Tugas akhir Datuk Hussein hari ini



KUALA LUMPUR, Selasa — Apabila Datuk Hussein Onn meninggalkan pejabatnya kira-kira jam 2 petang esok, ia adalah kali akhir beliau bertugas sebagai Perdana Menteri.

Kira-kira tiga jam sebelum itu, bermula dari jam 10 pagi, beliau akan mempengerusikan mesyuarat Kabinet akhir baginya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan semua menteri-menteri Kabinet kecuali Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen yang kini berada di New York, dijangka hadir di mesyuarat tersebut.

Datuk Hussein akan meninggalkan Seri Taman kira-kira jam 9 pagi esok untuk menghabiskan hari terakhirnya di pejabat.

Selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, beliau akan berpindah ke pejabat untuk mengemaskan barang-barang dan mengucapkan selamat tinggal kepada kakitangannya sebelum pulang ke Seri Taman.

Apabila beliau melangkah keluar dari biliknya, beliau akan meninggalkan kesan-kesan kejayaannya sebagai Perdana Menteri ketiga.

Bagaimanapun, beliau masih menjadi Perdana Menteri sehingga Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah sebagai ketua negara yang keempat jam 11 pagi Khamis ini.

Upacara 30 minit di Istana Negara itu akan dilakukan di hadapan Yang di-Pertua Agong, Raja Permaisuri Agong, Datuk Hussein Onn, Datin Suhalla dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Semua menteri-menteri Kabinet, kecuali Tengku Ahmad Rithauddeen yang sedang mengikuti persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kampuchea di New York akan hadir.

Turut hadir di upacara tersebut ialah Pemangku Ketua Hakim Negara, Raja Tan Sri Azlan Shah, Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Ismail Khan, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Ghazali Mohd Seth, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia